



## **Siaran Akhbar**

### **KEMPEN INTERNET SELAMAT@BAZAR RAMADAN DAPAT SAMBUTAN BAIK, TINGKAT KESEDARAN PENGGUNA**

**CYBERJAYA, 9 Mac 2026** --- Program Kempen Internet Selamat@Bazar Ramadan anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang berlangsung secara serentak di 19 lokasi bazar Ramadan di seluruh negara baru-baru ini menerima sambutan amat menggalakkan, dengan kehadiran pelbagai lapisan masyarakat termasuk keluarga, golongan belia dan peniaga yang mengambil peluang mendapatkan pendedahan mengenai amalan penggunaan Internet secara selamat.

Sepanjang penganjuran program tersebut, para pengunjung dilihat aktif berinteraksi di reruai kempen dengan mendapatkan maklumat berkaitan keselamatan siber, menyertai sesi penerangan serta mengambil bahan informasi yang disediakan.

Sambutan yang positif ini mencerminkan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan keselamatan digital, lebih-lebih lagi ketika aktiviti dalam talian seperti pembelian dan urusan kewangan yang kian rancak sepanjang bulan Ramadan. Keadaan ini sekali gus memperkukuh matlamat kempen dalam memperkasa orang ramai dengan pengetahuan serta amalan penggunaan Internet secara selamat dalam kehidupan seharian.

Pada program ini, hampir 10,000 Kit Ramadan mengandungi risalah maklumat kempen, satu pek kurma, sebotol air mineral dan butang lencana, telah diedarkan kepada pengunjung bazar di 19 lokasi di seluruh negara. Antara pengisian menarik program ini termasuk sesi interaktif keselamatan Internet, demonstrasi pengaktifan kawalan ibu bapa, pendedahan mengenai ancaman penipuan dalam talian, salah guna media sosial dan langkah pencegahan jenayah siber. Dalam pada itu, hampir 1,000 pengunjung telah mendaftar sebagai Wira Internet Selamat.

Kejayaan pelaksanaan program ini turut disokong oleh mobilisasi tenaga kerja MCMC di seluruh negara bersama petugas daripada Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI).

Program tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran Menteri Komunikasi Datuk Fahmi Fadzil di IWK Ecopark, Pantai Dalam manakala Timbalan Menteri

Komunikasi, Teo Nie Ching di Bazar Ramadan Temenggong, Kulai, Johor. Sementara itu, Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Hajah Norashikin Tengku Permaisuri Selangor telah mencemar duli dan diberikan penerangan berkenaan Kempen Internet Selamat semasa menghadiri program Santuni Bazar Ramadan di Bazar Ramadan Stadium Shah Alam, Seksyen 13. Beberapa pemimpin utama Kerajaan Negeri lain turut hadir sama di bazar lain di negeri-negeri yang turut mengadakan program ini.

MCMC komited dalam memastikan persekitaran digital negara terus selamat, berintegriti dan dipercayai selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk membangunkan ekosistem komunikasi dan multimedia yang mampan serta berdaya tahan.

## LAMPIRAN GAMBAR



Orang ramai tidak melepaskan peluang menghadiri program Kempen Internet Selamat @ Bazar Ramadan anjuran MCMC di 19 lokasi seluruh negara, baru-baru ini.

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

